

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN TAN KOK WAI**  
**KAWASAN : CHERAS**  
**TARIKH : 2 APRIL 2018**  
**NO. SOALAN : 14**

**SOALAN**

Tuan Tan Kok Wai (Cheras) minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan berapa banyak dan sebabnya kilang-kilang perbadanan dan syarikat gergasi multinasional yang ditutup dan berapa pula yang terpaksa dihentikan operasi perniagaannya dalam tahun 2017.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Tahun 2017 merupakan tahun yang mencabar bukan sahaja kepada ekonomi Malaysia bahkan ekonomi global. Persekitaran ekonomi global yang semakin mencabar ini telah mempengaruhi model perniagaan syarikat-syarikat di Malaysia termasuk syarikat-syarikat multinasional (MNC) yang beroperasi di negara ini.

62

Namun sebenarnya, hanya sejumlah kecil kilang-kilang perbadanan dan syarikat gergasi multinasional yang telah menutup operasi mereka sepanjang tahun 2017, atas sebab-sebab seperti berikut:

- i. keadaan pasaran yang lemah berikutan penurunan dalam jualan dan permintaan syarikat;
- ii. kemunculan teknologi baharu yang menggantikan teknologi dan produk sedia ada;
- iii. peningkatan dalam kos pengeluaran;
- iv. bekalan bahan mentah yang terhad dan berkurangan;
- v. pengambilalihan oleh syarikat lain; dan
- vi. penstrukturan semula syarikat.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa peka dan prihatin dengan cabaran yang dihadapi oleh pihak industri. Dalam usaha mencapai status negara berpendapatan tinggi, pelbagai inisiatif telah dan sedang dilaksanakan oleh Kerajaan bagi memastikan pengaliran pelaburan bernilai tinggi terus kukuh di Malaysia dan dapat menyediakan peluang pekerjaan bernilai dan berpendapatan tinggi kepada rakyat. Di samping itu, kemasukan pelaburan dapat menyediakan peluang dan akses kepada usahawan tempatan untuk turut serta dalam rangkaian bekalan serantau dan global.

Menurut Bank Dunia, ekonomi Malaysia dijangka dapat mengekalkan momentum pertumbuhan semasa sehingga tahun 2018 dan 2019, walaupun pada kadar yang lebih sederhana, dengan jangkaan

8

pertumbuhan perbelanjaan modal yang lebih rendah. Kelembapan ekonomi China secara beransur-ansur turut memberikan impak kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia. Namun, prospek pertumbuhan ekonomi global dijangkakan menjadi lebih baik pada tahun 2018, di mana pemulihan sederhana dalam harga komoditi dan pengukuhan perdagangan global akan menyokong pembangunan ekonomi Asia Timur dan Pasifik.

Sekian, terima kasih.